




**ZULFAQAR International Journal of
Defence Management, Social Science & Humanities**

Journal homepage: www.zulfaqar.upnm.edu.my



**Kalah dalam Menang: Pasukan Angkatan Khas (*Special Forces*) Tentera Darat Amerika Syarikat dalam Melawan Insurgensi
*Winning and Losing: The United States Army Special Forces in countering the Insurgency***

Amer Fawwaz Mohamad Yasid^{a,*}, Azrul Azlan Abdul Rahman^a, Noraini Zulkifli^a

^a Jabatan Pengajian Strategi, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Malaysia

*Corresponding author: amerfawwaz@upnm.edu.my

ARTICLE INFO

Article history:

Received

12-06-2018

Received in revised

13-03-2019

Accepted

18-06-2019

Available online

30-06-2019

Keywords:

Pasukan Khas,

Perisikan,

Perang Vietnam

Special Forces,

Intelligence,

The Vietnam War

e-ISSN:

Type: Article

ABSTRACT

Pasukan Angkatan Khas (PAK) ditubuhkan pada tahun 1963 dan berperanan sebagai sebuah unit elit tempur Pasukan Tentera Darat Amerika Syarikat. Peranan PAK ketika dalam Perang Vietnam amat besar, dengan memberi tumpuan terhadap pelaksanaan peperangan melawan insurgensi komunis. Penubuhan PAK telah memberi suatu impak yang besar dalam pembangunan doktrin melawan insurgensi sebagaimana yang dilakukan oleh Tentera Darat Amerika Syarikat di Vietnam. Peranan PAK dalam menjalankan operasi sulit seperti kerja-kerja sabotaj, membunuh pegawai tinggi pihak musuh, mengumpul maklumat perisikan tempur serta aktiviti penculikan di lapangan telah meningkatkan kredibiliti pasukan tersebut. Malah, PAK menjadi pasukan yang digeruni pihak musuh ketika berada di medan tempur. Kemampuan PAK untuk beroperasi dengan menyusup jauh ke kawasan pihak musuh, memberikan kelebihan taktikal kepada Tentera Darat Amerika Syarikat dalam usaha menghapuskan ancaman komunis di Vietnam. Kajian ini adalah berdasarkan peranan Pasukan Angkatan Khas Tentera Darat Amerika Syarikat dalam melawan insurgensi sewaktu Perang Vietnam 1963-1975. Hasil kajian akan memperlihatkan sejauh mana PAK telah memainkan peranannya ketika Perang Vietnam sehingga mampu memberi impak keseluruhan dalam peperangan tersebut serta mencorak peranan PAK dalam menentang keganasan global pada hari ini.

The United States Army Special Forces (SF) was established in 1963 and served as an elite fighting groups. The functions of the SF during the events of the Vietnam War was vital in concentrating the implementation of the counter-insurgency warfare against the Communist insurrections. The establishment of the SF has enlarged the functions of the Special Operations Forces in eliminating the communist insurgencies as mainly in Vietnam, the SF had been responsible to carried out covert operations including sabotage missions behind enemy lines, eliminating high ranking enemy officials, intelligence gathering operations, and field kidnapping. The SF was an elite groups that intimidated by the enemy forces while they operated on the field. The ability of the SF to penetrate deeply behind enemy lines has provides significance tactical advatages to the United States Army in eliminating the communist forces. This research was based on the roles of the SF in counter-insurgency throughout the Vietnam War 1963-1975. The outcomes of this research will enlight the readers what are the roles, effects, and contribution of the SF during the Vietnam War and at the same time, preparing the elite forces on the global war on terrorism respectively.

Pengenalan

Perang Vietnam yang berlaku sekitar tahun 1963-1975 telah memunculkan satu perkara baharu, iaitu penubuhan Pasukan Angkatan Khas (*Special Forces*) oleh Tentera Darat Amerika Syarikat. Pasukan Angkatan Khas (PAK) ini telah menjadi salah satu daripada pasukan tentera darat yang digeruni pihak musuh berdasarkan reputasi pasukan tersebut yang mampu menghapuskan musuh secara cekap dan efektif. Ketika berlangsungnya Perang Vietnam, PAK telah diatur gerak ke kawasan pedalaman Vietnam Utara dan Vietnam Selatan bagi menjalankan operasi peperangan melawan insurgency, iaitu menghapuskan kegiatan gerila komunis yang didominasi oleh Tentera Pembebasan Nasional Vietnam Utara dan pergerakan gerila bawah tanah yang dikenali sebagai Viet Cong.

Selain daripada menjalankan operasi melawan insurgency komunis, PAK juga terlibat dalam melakukan operasi-operasi sulit (*black ops*) bagi melaksanakan tugas-tugas khas. Ini termasuklah memberi tumpuan terhadap aktiviti-aktiviti gerila seperti penculikan dan pembunuhan pegawai-pegawai tinggi pihak musuh, kerja-kerja sabotaj, mengumpulkan maklumat perisikan di dalam kawasan musuh serta lain-lain aktiviti yang bersangkutan. Walaupun secara umumnya kita mengetahui bahawa Amerika Syarikat tewas dalam Perang Vietnam, PAK sesungguhnya telah berjaya memperlihatkan kemampuan mereka dalam melambatkan proses kekalahan yang diterima oleh pihak Amerika Syarikat. Kemungkinan besar, sekiranya PAK tidak ditubuhkan oleh Tentera Darat Amerika Syarikat, wujud potensi bahawa Amerika Syarikat akan mengalami kekalahan lebih awal daripada tempoh 12 tahun mereka berada di Vietnam. Oleh yang demikian, PAK dianggap telah memainkan peranan yang besar dalam konteks peperangan melawan insurgency di Vietnam.

Sejarah Pasukan Angkatan Khas ketika Perang Vietnam 1963-1975

Setelah kekalahan Perancis kepada Tentera Pembebasan Nasional Vietnam pada tahun 1954, negara Vietnam telah terbahagi kepada dua bahagian: Vietnam Utara dan Vietnam Selatan. Secara dasarnya, Vietnam Utara dan Vietnam Selatan dipisahkan oleh garisan sempadan Paralel 17 (*17th Parallel*). Vietnam Utara telah diasaskan dan diketuai oleh seorang revolusioner komunis tegar, iaitu Ho Chinh Minh. Ho Chinh Minh berhasrat mahu menyatukan negara Vietnam yang telah terbahagi dua (utara dan selatan) dan menjadikan Vietnam sebuah negara berdaulat. Pada masa yang sama, beliau juga ingin melihat agar sebarang bentuk penjajahan Perancis di kawasan Indo-China dihapuskan sepenuhnya.

Pendekatan Ho Chinh Minh disifatkan sebagai radikal kerana beliau merupakan seorang penganut ajaran komunis yang tegar. Dengan bantuan pasukan sayap tentera utama, iaitu Tentera Pembebasan Nasional Vietnam, Ho Chinh Minh telah mendapat sokongan moral, kewangan, dan hal-hal teknikal ketenteraan dari negara-negara blok komunis seperti Rusia dan China bagi menjalankan aktiviti ketenteraan melawan kerajaan imperialis di bahagian selatan negara Vietnam. Sementara itu, Republik Vietnam Selatan pula dipimpin oleh seorang pemimpin bangsawan daripada keturunan pemerintah *Nguyen* dan beragama Kristian Katolik, iaitu Ngo Dinh Diem. Diem dipilih oleh kerajaan Amerika Syarikat untuk memimpin Vietnam Selatan. Akan tetapi, tempoh pemerintahan Diem tidak lama kerana beliau telah digulingkan pada tahun 1963 akibat mengamalkan sistem pentadbiran yang zalim dan penuh dengan unsur rasuah. Ho Chinh Minh melihat pemerintahan kuku besi Diem sebagai suatu agenda peribadi untuk beliau membebaskan Vietnam Selatan yang diperintah oleh kerajaan boneka dan didukung oleh kuasa imperialis barat. Tindakan Ho Chin Minh itu dianggap sebagai tindakan seorang nasionalis revolusioner dan telah menyebabkan teretusnya Perang Vietnam yang berlanjutan sehingga 12 tahun lamanya.

Perang Vietnam dilihat sebagai salah satu tanda kegusaran Amerika Syarikat dalam mempertahankan ideologi demokrasi ketika era awal Perang Dingin. Amerika Syarikat begitu bimbang apabila menyedari gerakan komunisme telah tersebar secara berleluasa ke seluruh dunia, terutamanya usaha-usaha negara Rusia dan China untuk mendominasi sokongan rakyat di kawasan Asia Timur dan Asia Tenggara. Kegusaran Amerika Syarikat itu mempunyai kewajarannya yang tersendiri, iaitu dengan jangkaan bahawa sekiranya Amerika Syarikat tidak menghantar bantuan ketenteraan ke Vietnam Selatan, maka seluruh Asia Tenggara akan jatuh ke tangan pihak komunis melalui pendekatan yang dinamakan sebagai Teori Domino.

Hal ini terbukti benar apabila kebanyakan negara-negara yang terletak di kawasan Asia Tenggara turut menghadapi ancaman dalam negeri yang berleluasa daripada anasir subversif komunis. Ini

termasuklah gerakan komunis *Pathet Lao* di Laos, Parti Komunis Kampuchea (Kemboja), Parti Komunis Thailand, Parti Komunis Malaya (Malaysia), Parti Komunis Indonesia serta Gerakan *Hukbalahap* yang dinaungi oleh Pertubuhan Komunis Filipina yang sudah bertapak di Filipina. Justeru itu, Amerika Syarikat mula melibatkan diri secara langsung dalam Perang Vietnam dengan menghantar sejumlah penasihat ketenteraan daripada Pasukan Tentera Darat Amerika Syarikat ke Republik Vietnam Selatan pada awal tahun 1955. Tujuannya adalah untuk membantu Presiden Diem melatih dan membentuk pasukan tentera Vietnam Selatan.

Peranan Pasukan Angkatan Khas di Vietnam

Sejak awal tahun 1961, PAK telah dihantar ke Vietnam untuk menjalankan operasi melawan insurgensi. Pada awal penglibatan mereka, PAK telah memainkan peranan yang besar dalam memberikan latihan dan tunjuk ajar kepada tentera Vietnam Selatan tentang teori serta asas-asas peperangan melawan insurgensi. PAK juga telah diberikan tanggungjawab untuk melatih anggota-anggota pasukan khas Tentera Vietnam Selatan seperti Angkatan Pasukan Marin Vietnam Selatan dan Pasukan Khas Tentera Vietnam Selatan secara berterusan. Peranan utama PAK ketika berlakunya Perang Vietnam adalah untuk mencari dan membunuh musuh sebanyak mana yang mungkin melalui operasi-operasi ketenteraan yang dijalankan secara terbuka atau melalui operasi sulit.

Aktiviti Pemusnahan Laluan Ho Chinh Minh

Selepas tahun 1965, peranan PAK menjadi lebih besar apabila mereka telah ditugaskan untuk mencari maklumat serta memusnahkan Laluan Ho Chinh Minh. Laluan Ho Chinh Minh merupakan laluan hutan atau denai yang tersembunyi dan ia digunakan oleh Tentera Vietnam Utara untuk membawa bekalan persenjataan serta anggota tentera yang akan digunakan untuk melawan rejim Vietnam Selatan. Laluan tersebut telah dibina seawal tahun 1959. Ia bermula dari Hanoi di Vietnam Utara dan berakhir di kawasan ibu kota Vietnam Selatan, iaitu Saigon. Pembinaan laluan tersebut telah menggunakan jumlah tenaga kerja yang begitu besar. Dalam sesetengah kes, terdapat laluan yang disiapkan oleh golongan petani dengan menggunakan cangkul dan alatan kecil tetapi masih mampu melintasi kawasan gunung-ganang dan bukit-bukau dengan bentuk muka bumi yang teruk dan kasar. Laluan ini amat penting kepada pihak Vietnam Utara sebagai satu jaringan hubungan dalam membekalkan persenjataan, peluru dan logistik bagi melaksanakan kegiatan subversif dan revolusioner demi mengalahkan tentera Amerika Syarikat dan rejim Vietnam Selatan.

Oleh itu, selaras dengan kepentingan strategik Laluan Ho Chinh Minh terhadap kekuatan dan kelangsungan perjuangan pihak musuh, PAK telah ditugaskan untuk mengesan lokasi laluan tersebut serta menghapuskan saluran logistik bawah tanah milik pihak musuh yang bergerak di kawasan sekitar Laluan Ho Chinh Minh. Dalam sesetengah kes, PAK juga berperanan untuk memberi koordinat laluan kepada Bahagian Perisikan Tentera Udara Amerika Syarikat. Maklumat yang diterima akan dikoordinasi agar pasukan Skuadron Kapal Terbang Pengebom Jarak Jauh Tentera Udara Amerika Syarikat dapat melakukan pengeboman ke atas kawasan Laluan Ho Chinh Minh. Hasil tindakan PAK, Tentera Udara Amerika Syarikat telah berjaya mengebom serta memusnahkan kebanyakan kawasan penting di Laluan Ho Chinh Minh. Pesawat pengebom Tentera Udara Amerika Syarikat seperti B-52 turut berjaya mengebom konvoi-konvoi pasukan logistik Tentera Vietnam Utara yang melalui kawasan tersebut dengan disertai oleh lori-lori pengangkutan serta kumpulan tentera yang bergerak dalam skala yang besar.

Analisis Kesan Kemusnahan Pengeboman secara Strategik

Selepas misi pengeboman dilakukan oleh pihak Tentera Udara Amerika Syarikat, PAK akan meneruskan peranannya dengan memberikan data penilaian kesan pengeboman (*bomb damage assessment*) kepada Markas Perisikan Tentera Udara. Selain daripada mengesan Laluan Ho Chinh Minh, PAK turut berperanan menjalankan rondaan bagi mengumpul maklumat perisikan terhadap pihak musuh. Proses ini akan dilaksanakan secara sulit dan berhati-hati. Oleh itu, PAK akan bergerak dalam kumpulan-kumpulan kecil dan melakukan rondaan secara kerap dan berskala jauh sehingga menembusi kawasan musuh. Lazimnya, rondaan tersebut melibatkan bilangan anggota tentera yang kecil seramai 8-10 orang, bergantung pada keperluan dan darjah kesukaran sesuatu misi yang mahu dilaksanakan.

Setiap ahli kumpulan rondaan merupakan anggota PAK yang sangat terlatih dan mempunyai kemahiran khusus dalam peperangan melawan insurgentsi. Ada juga anggota PAK yang terdiri daripada orang tempatan berketurunan Vietnam yang dikenali sebagai *Montagnard* atau "Orang Bukit". Mereka merupakan Orang Asli yang berasal dari kawasan pedalaman pergunungan Vietnam. Anggota tentera orang tempatan ini sangat terlatih dan mereka telah memainkan peranan yang besar dengan menjadi penjejak musuh (*tracker*). Selain itu, mereka turut menjadi penterjemah bahasa Vietnam apabila PAK berkomunikasi dengan penduduk tempatan bagi mendapatkan maklumat perisikan atau semasa proses soal-siasat dilakukan terhadap musuh yang ditangkap.

Rondaan kumpulan kecil

Struktur organisasi kumpulan kecil PAK yang membuat rondaan adalah berbeza daripada struktur organisasi pasukan tentera biasa. Ia bergantung kepada keperluan sesebuah misi yang mahu dilaksanakan. Sebagai contoh, dalam sebuah kumpulan rondaan kecil PAK, terdapat seorang ketua kumpulan berpangkat Leftenan yang akan dibantu oleh seorang pegawai tanpa tauliah berpangkat Sarjan. Diperlukan juga seorang anggota yang mempunyai kepakaran dalam bidang letupan dan jerangkap samar (*sapper*), seorang penembak tepat (*sniper*), dua orang anggota penggempur standard (*rifle-man*), seorang pengebom (*grenadier*), seorang pakar semboyan dan komunikasi dan seorang anggota PAK perubatan medan yang terlatih. Lazimnya, rondaan jarak jauh menjadi rutin harian anggota PAK. Rondaan kumpulan kecil akan dijalankan sejauh satu hingga dua petak peta sehari. Jangka masa rondaan adalah tidak menentu dan ia boleh mengambil masa satu bulan hingga tiga bulan. Anggota kumpulan rondaan PAK akan sentiasa berpindah-randah dari sebuah tempat ke tempat yang lain untuk menjejaki kumpulan musuh. Kebiasaannya, kumpulan kecil rondaan jarak jauh PAK tidak akan bermalam lebih daripada dua hari di sesebuah tempat. Perkara ini dilakukan bagi mengelak kehadiran PAK disedari oleh pihak musuh.

Bekalan makanan serta kemudahan logistik dihantar melalui udara sama ada melalui penyusupan helikopter ke dalam kawasan operasi, atau secara jatuhnya makanan melalui penghantaran udara dengan menggunakan kapal terbang pengangkut. Kaedah ini juga merupakan salah satu taktik bagi mempercepatkan pergerakan mereka dalam mengesan dan memusnahkan pihak musuh. Sekiranya rondaan kumpulan kecil PAK berjaya menemui kem atau khemah musuh, mereka akan menjalankan tinjauan strategik untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kekuatan pihak musuh seperti bilangan anggota yang berada di kem, jenis-jenis senjata yang digunakan, jalan masuk dan jalan keluar, bilangan khemah, serta maklumat-maklumat penting yang berkaitan. Kumpulan rondaan kecil PAK akan melakukan kepungan dan serang hendap bagi memastikan pihak musuh dapat dimusnahkan secara menyeluruh.

Pengumpulan Maklumat Perisikan Terhadap Pihak Musuh

Selain daripada menjalankan rondaan dan melakukan serang hendap, PAK juga berperanan untuk menjalankan misi tinjauan perisikan bagi mengesan kedudukan musuh, iaitu dengan cara meletakkan alat pengesan (*sensor*) di sekitar kawasan laluan musuh. Ketika Perang Dingin, terdapat beberapa kemajuan teknologi persenjataan dalam pasukan tentera Amerika Syarikat. Alat pengesan dihubungkan terus ke komputer utama dengan menggunakan kaedah pengesanan secara teknologi satelit. Alat pengesan tersebut dihasilkan dalam ukuran kecil dan sesuai disembunyikan di bawah daun atau di bahagian tepi denai tempat laluan musuh tanpa dapat dikesan. Alat pengesan itu akan menghantar isyarat gelombang radio jarak jauh sekiranya terdapat getaran yang terhasil daripada pergerakan pihak musuh yang berjalan kaki di sekitar lokasi isyarat alat pengesan. Teknologi ini memudahkan tentera Amerika Syarikat menghantar anggota PAK bagi menjalankan operasi serang hendap dengan lebih berkesan kerana pihak musuh mungkin tidak menjangka bahawa lokasi keberadaan mereka telah terdedah. Bantuan pasukan pengeboman daripada skuadron tentera udara serta tembakan artileri jarak jauh mampu membawa kemusnahan besar kepada pihak musuh.

Misi intipan menggunakan talian telefon adalah salah satu strategi yang dijalankan oleh PAK ketika melaksanakan operasi menghapuskan ancaman gerila komunis. Alat komunikasi ini turut digunakan oleh pihak musuh semasa Perang Vietnam. Dengan membuat intipan terhadap perbualan pihak musuh, PAK mampu menjejaki individu atau pegawai tinggi pihak musuh yang harus dibunuh atau diculik bagi tujuan mendapatkan maklumat perisikan. Lazimnya, PAK akan menggunakan perakam suara dalam bentuk kaset yang telah diubah suai bagi merakam perbualan pihak musuh. Perakam suara yang bersifat mudah

alih itu akan disambungkan kepada talian utama tiang-tiang telefon yang kebanyakannya terletak di kawasan pinggir hutan serta jalan raya di bandar. Rakaman perbualan pihak musuh akan dihantar ke markas utama untuk dianalisis. Hasilnya, pelbagai maklumat yang berguna bagi tujuan perisikan seperti pergerakan pegawai tinggi pihak musuh ke sesebuah lokasi, atau lokasi terdapatnya ketumbukan pasukan tentera musuh yang besar dijangka akan berkumpul akan dapat diketahui oleh anggota PAK yang menjalankan operasi tinjauan dan perisikan.

Operasi Penculikan secara Sulit

PAK turut berperanan menjalankan operasi penculikan secara sulit. Operasi ini merupakan salah satu operasi sulit (*black ops*) yang dilakukan bertujuan untuk menculik individu penting atau mereka yang berjawatan tinggi dalam perkhidmatan parti komunis. Sebagai contoh, jeneral-jeneral atau pemerintah tertinggi Parti Komunis, komisar politik (*political commissar*), Setiausaha Agung Parti Komunis, atau agen-agen musuh berprofil tinggi. Terdapat beberapa faktor mengapa penculikan ini dilakukan. Pertama, penculikan tersebut berkemungkinan besar bertujuan untuk mendapatkan maklumat perisikan yang dapat digunakan bagi menghancurkan organisasi pihak musuh.

Kedua, ia dilakukan dengan tujuan propaganda. Sekiranya individu berjawatan tinggi dalam organisasi pihak musuh berjaya diculik oleh operatif PAK, peristiwa tersebut akan menimbulkan situasi yang memalukan bagi pihak musuh kerana pihak lawan berjaya menyelip masuk ke kawasan keselamatan mereka serta mengancam kedudukan organisasi. Ketiga, penculikan tersebut sering kali dilakukan bagi menyelamatkan tawanan perang (*prisoner of war*) tentera Amerika Syarikat yang telah ditawan oleh pihak komunis. Kebanyakan daripada tawanan perang tersebut merupakan sasaran yang dianggap tinggi oleh pihak musuh kerana mereka banyak menyimpan rahsia-rahsia ketenteraan terutamanya hal-hal yang berkaitan dengan kekuatan persenjataan Angkatan Tentera Amerika Syarikat.

Contohnya, juruterbang pesawat pengebom supersonik Tentera Udara Amerika Syarikat merupakan juruterbang yang berpengalaman dalam mengendalikan persenjataan dan kelengkapan (*ordnance*) tentera udara. Sekiranya mereka ditawan oleh pihak musuh, dan setelah disoal-siasat dengan kejam, kemungkinan besar wujud ruang untuk mereka memecahkan rahsia persenjataan Angkatan Tentera Udara Amerika Syarikat. Aspek kekuatan persenjataan Angkatan Tentera Udara Amerika Syarikat yang sudah terdedah akan menyebabkan musuh mempunyai kelebihan strategik untuk menghancurkan mereka. Berdasarkan rekod yang ada, dari tahun 1966 hingga 1970, terdapat 44 orang tawanan perang daripada pihak musuh yang telah diculik oleh PAK melalui operasi penculikan secara sulit. Misi penculikan secara sulit ini merupakan satu strategi yang dikategorikan sebagai misi berbahaya. Dalam sesetengah kes, PAK akan melakukan serang hendap terhadap konvoi tentera atau markas garison milik pihak musuh yang mempunyai ketumbukan dua hingga tiga kali ganda lebih besar daripada kekuatan operasi PAK. Oleh yang demikian, anggota-anggota operatif PAK perlu melaksanakan pelan perancangan misi dengan sebaik mungkin dan secara sulit agar rancangan itu tidak diketahui oleh pihak lawan. Ia juga mampu mengekalkan elemen kejutan terhadap pihak musuh apabila operasi tersebut dilaksanakan.

Misi Sabotaj

Ketika berlangsungnya Perang Vietnam, Pasukan Angkatan Khas (PAK) Tentera Amerika Syarikat turut menjalankan misi sabotaj terhadap aspek persenjataan pasukan gerila komunis. Ini dapat dilihat melalui beberapa operasi sulit yang dijalankan oleh PAK sekitar tahun 1968-1969 apabila beberapa kumpulan peronda jarak jauh PAK telah menyusup masuk ke kawasan musuh. Mereka kemudiannya menabur peluru dengan ukuran diameter dalaman (*calibre*) 7.62mm dan 12.7mm. Peluru ini merupakan peluru standard untuk senjata tempur raifal AK-47 dan mesingan laras besar DSKH yang digunakan oleh gerila komunis *Viet Cong* dan tentera Vietnam Utara. Peluru tersebut telah ditinggalkan di kawasan laluan yang dipercayai kerap digunakan oleh gerila komunis yang sedang menjalankan operasi mereka. Apa yang tidak diketahui oleh pihak musuh ialah peluru yang ditinggalkan oleh operatif PAK itu merupakan sejenis peluru yang apabila digunakan ia akan meletup secara automatik dalam ruang penembakan senjata dan mengakibatkan senjata milik gerila komunis menjadi rosak. Selain daripada menabur peluru di atas laluan atau denai yang biasa dilalui oleh pihak musuh, anggota PAK juga sering kali meletakkan peluru tersebut ke dalam magazin (*magazine*) bekas peluru anggota komunis yang telah dibunuh. Perkara ini dilakukan dengan harapan rakan si mati yang menguruskan mayatnya akan menggunakan peluru yang ada dalam simpanan si mati.

Tugasan Perang Psikologi

Terdapat juga beberapa pendekatan lembut (*soft approach*) yang dilaksanakan oleh PAK sewaktu operasi melawan insurgensi komunis di Vietnam, antaranya ialah kaedah perang psikologi. Perang psikologi dilakukan bagi merendahkan moral dan daya semangat musuh yang sedang berperang pada ketika itu. Antara aktiviti yang dilakukan oleh PAK adalah dengan menyebarkan risalah (*leaflets*) ke kawasan-kawasan terpencil, terutamanya tempat yang menjadi tumpuan musuh yang aktif menjalankan kerja-kerja politik dan propaganda terhadap rakyat Vietnam, khususnya di kawasan pedalaman. PAK turut menjalankan aktiviti sivik yang dapat mempengaruhi dan memenangi hati serta sokongan rakyat seperti kegiatan gotong-royong bersama-sama penduduk kampung untuk membersihkan kawasan persekitaran. Pemeriksaan perubatan percuma turut diberikan kepada penduduk di kawasan pedalaman, selain menghantar bantuan makanan dan pakaian kepada penduduk miskin. PAK juga melakukan aktiviti membaiki kemudahan prasarana dan infrastruktur yang telah dimusnahkan oleh pihak musuh seperti jambatan, sekolah dan pusat kesihatan. Peranan PAK dalam melaksanakan perang psikologi sedikit banyak mampu meningkatkan sokongan rakyat Vietnam terhadap usaha Amerika Syarikat dalam menyekat kemaraan komunis ke kawasan selatan negara tersebut.

Pasukan Angkatan Khas serta Peranan Mereka Masa Kini: Suatu Perbincangan

PAK telah membuktikan kepakaran mereka dalam menghadapi peperangan terhadap insurgensi. Akan tetapi, faktor globalisasi serta peredaran zaman telah mengubah landskap perjuangan PAK daripada peperangan yang bersifat perang terhad kepada perang asimetrik. Selepas tamatnya Perang Dingin, PAK mula menumpukan perhatian terhadap konsep peperangan terbuka. Kebanyakan konflik yang melibatkan kepentingan strategik Amerika Syarikat bertumpu di kawasan Timur Tengah dan Asia. Sejak berlakunya insiden serangan 11 September 2001, Amerika Syarikat telah terlibat dalam peperangan melawan keganasan global. PAK telah diatur gerak ke negara-negara seperti Afghanistan, Iraq dan Libya untuk menjalankan operasi menghapuskan kumpulan pengganas. Jika dilihat daripada perspektif tertentu, PAK turut mengalami perubahan taktik dan strategi peperangan. Hari ini, latar belakang geografi dan bentuk muka bumi yang perlu dihadapi oleh PAK dalam perang melawan keganasan amat berbeza jika dibandingkan dengan situasi ketika mereka beroperasi di Vietnam suatu waktu dahulu.

Kini, PAK menghadapi perubahan landskap peperangan yang berbentuk konvensional dengan latar padang pasir, kawasan perumahan di bandar serta wilayah pergunung-ganang. Kesemuanya jauh berbeza dengan bentuk muka bumi hutan belantara di Vietnam. Selain itu, terdapat juga perubahan dalam strategi latihan PAK bagi menghadapi keganasan secara global, iaitu dengan menggunakan kemajuan teknologi bidang persenjataan. Anggota PAK dilatih untuk menggunakan senjata berteknologi tinggi seperti pengeboman jarak jauh menggunakan laser, penggunaan dron (*drone*) bagi membunuh sasaran bernilai tinggi (*high value target*) serta menggunakan maklumat perisikan dari pusat data yang dikendalikan oleh Agensi Perisikan Pusat (CIA). Persoalannya sekarang, adakah peranan PAK pada ketika ini masih lagi terbatas dalam konsep perang terhad seperti perang gerila? Jawapannya, tidak. Pada asalnya, PAK berperanan untuk memberi tumpuan kepada peperangan gerila, namun hari ini PAK masih mampu menyesuaikan tugas mereka dalam usaha mencegah keganasan global dengan melaksanakan aktiviti peperangan secara konvensional. Perubahan tugas PAK sama sekali tidak menjejaskan kemahiran mereka dalam menjalankan operasi bersifat konvensional. Contohnya, pada awal 2002, sekumpulan anggota PAK telah dihantar untuk menyusup masuk ke Afghanistan bagi menjalankan operasi memusnahkan kekuatan tentera Taliban yang berkubu di kawasan terpencil.

Walaupun PAK menghadapi cabaran dalam menangani bentuk muka bumi yang sukar dan pergunung-ganang, namun ia tidak menjadi satu masalah kepada PAK untuk beroperasi di negara bertanah tandus seperti Afghanistan. Pada tahun 2004 hingga 2012, PAK begitu aktif menjalankan operasi mencari dan memusnahkan kekuatan kumpulan pengganas Al-Qaeda yang diketuai oleh Osama bin Laden, perancang utama dalam peristiwa serangan 11 September 2001. Dalam pada itu, sejak tahun 2012, dunia dikejutkan dengan ancaman ekstremis agama, iaitu *Islamic State of Iraq and Syria* (ISIS) yang semakin meluaskan pengaruh mereka di kawasan Timur Tengah. Oleh itu, ancaman ISIS telah mengubah peranan PAK secara menyeluruh. Hari ini, PAK tidak lagi memberi tumpuan kepada perang terhad seperti yang berlaku dalam Perang Vietnam dahulu tetapi pasukan ini sudah mengorak langkah panjang untuk menghadapi perang melawan keganasan.

Perubahan latihan dan doktrin PAK sejak Perang Teluk 1991 telah mengubah sedikit banyak peranan PAK pada ketika ini, dengan lebih menekankan taktik peperangan konvensional dan perang terbuka di kawasan bandar. Keadaan ini selaras dengan ancaman keganasan yang berlaku secara berterusan di kawasan Timur Tengah. Walau bagaimanapun, PAK perlu sentiasa bersedia bagi memastikan bahawa selain daripada tumpuan melaksanakan konsep melawan keganasan secara perang konvensional dan perang terbuka, latihan berkaitan perang gerila perlu juga diambil kira pada setiap masa. Ini adalah kerana berkemungkinan besar PAK akan diatur gerak ke kawasan tropika pada bila-bila masa sahaja bagi menangani ancaman keganasan. Contohnya, pada tahun 2017, kumpulan pengganas ISIS telah melancarkan serangan terhadap pasukan keselamatan Tentera Darat Filipina ketika kumpulan pengganas tersebut mempertahankan kubu kuat mereka di bandar Marawi, di selatan Filipina.

Insiden di Marawi telah membuktikan bahawa ada organisasi pengganas yang masih lagi menggunakan kelebihan landskap geografi berbentuk hutan tropika bagi melangsungkan kegiatan keganasan melalui taktik perang gerila. Perlu diingatkan bahawa beberapa konflik di Amerika Selatan seperti masalah penyeludupan dadah dan keganasan organisasi penyeludupan dadah turut berlaku di kawasan tropika. Latar landskap sebegini memerlukan kepakaran perang gerila bagi menghapuskan masalah-masalah yang muncul akibat daripada konflik-konflik sedia ada. PAK juga telah terlibat secara tidak langsung dalam operasi membanteras organisasi penyeludupan dadah di Amerika Selatan. Perkara ini dilaksanakan sebagai salah satu langkah untuk menyokong dasar kerajaan Amerika Syarikat dalam memerangi kemasukan dadah ke negara tersebut. Oleh itu, PAK perlu sentiasa bersedia di dalam apa jua keadaan selain daripada terus mempertingkatkan kualiti latihan dan doktrin pasukan dari semasa ke semasa.

Kesimpulan

Tidak dapat dinafikan bahawa Pasukan Angkatan Khas Tentera Darat Amerika Syarikat merupakan salah satu teras dalam pelaksanaan doktrin melawan insurgency yang direalisasikan ketika Perang Vietnam. Peranan PAK dalam menjalankan operasi sulit dan operasi melawan insurgency komunis di Vietnam telah memberi kesan yang besar terhadap peperangan tersebut. Perlu diakui bahawa Amerika Syarikat mengalami kekalahan ketika berakhirnya Perang Vietnam. Namun begitu, PAK telah berjaya memperlambatkan tempoh kekalahan Amerika Syarikat di negara tersebut. Amerika Syarikat berjaya mempertahankan Vietnam Selatan selama 12 tahun, bermula dari tahun 1963 dan berakhir pada 1975. Sekiranya PAK tidak ditubuhkan, wujud kebarangkalian bahawa Amerika Syarikat hanya mampu bertahan selama 5 tahun sahaja di Vietnam. PAK telah menunjukkan strategi yang bermutu tinggi ketika melaksanakan perang gerila terhadap pihak musuh.

Kualiti tempur PAK di Vietnam begitu hebat sehinggakan pasukan itu turut digeruni oleh pihak lawan. PAK amat mahir mengaplikasikan perang tidak konvensional, terutamanya dalam bidang perisikan tempur, sabotaj serta pembunuhan terpilih para pegawai tinggi komunis. Penubuhan PAK oleh Tentera Darat Amerika Syarikat merupakan satu pembaharuan dalam konsep penggunaan pasukan khas (*Special Forces*) bagi melawan insurgency. Walaupun pasukan khas telah wujud semenjak Perang Dunia Kedua, akan tetapi peranan mereka hanya terhad kepada peperangan bersifat konvensional. Perang Vietnam telah menunjukkan satu evolusi, dengan memperlihatkan PAK begitu efektif untuk diatur gerak dalam konflik yang bersifat tidak konvensional. Latihan dan pemilihan yang ketat untuk menjadi anggota PAK telah menjadi satu simbol, iaitu betapa pasukan ini begitu menitikberatkan soal disiplin, ketahanan fizikal dan mental para pelatih, serta semangat untuk berjuang bagi mempertahankan negara daripada ancaman musuh.

Di Vietnam, anggota PAK telah memberikan khidmat yang amat penting ketika melaksanakan tugas mereka di lapangan. Tugas-tugas seperti operasi sulit (*black ops*), penculikan tawanan perang dan pegawai tinggi pihak musuh, menghancurkan organisasi musuh, perisikan tempur dan sabotaj merupakan operasi berisiko tinggi yang perlu dijalankan oleh setiap anggota PAK secara berterusan. Tugas tersebut sememangnya memerlukan daya ketahanan fizikal dan mental yang tinggi. Kebarangkalian mereka untuk dibunuh oleh pihak musuh juga amat besar. Secara kesimpulannya, PAK telah membuktikan kewibawaannya menjadi sebuah pasukan khas tempur jarak jauh sewaktu menjalankan operasi menentang insurgency ketika Perang Vietnam. Walaupun Perang Vietnam telah berlalu, PAK masih lagi beroperasi sehingga ke hari ini. Peranan PAK pada masa kini lebih tertumpu kepada peperangan melawan keganasan global (*global war on terrorism*) yang melibatkan operasi membanteras pergerakan ISIS, Daesh serta pertubuhan-pertubuhan radikal pengganas seperti Al Qaeda

yang terus berleluasa di serata dunia. Setelah 57 tahun PAK ditubuhkan, pasukan ini masih lagi berbisa sebagaimana keadaan mereka sewaktu di Vietnam dahulu.

Rujukan

- Adam Leong K. W. (2013). *Special Operations and Leadership Decapitation Operations in World War II: Strategic and Effectiveness. Tesis Doktor Falsafah*, University of Reading, United Kingdom.
- Clancy, T. (2001). *Special Forces*. New York, USA: Berkley Book.
- Clutterbuck, R. L., (1966). *The Long Long War: Counterinsurgency in Malaya and Vietnam*. New York: Frederick A. Praeger.
- Finlan, A. (2008). *Special Forces, Strategy and the War on Terror*. United Kingdom: Routledge.
- Honey, P. J. (1965). "The Outlook in Indo-China" dalam Buchan, A. *China and the Peace of Asia*. London: Chatto and Windus.
- Jumper, R. D. L. (2001). *Death Waits in the "Dark": The Senoi Praaq, Malaysia's Killer Elite*. USA: Greenwood Press.
- Marquis, S. L. (1997). *Unconventional Warfare: Rebuilding U.S. Special Operations Forces*. Washington D.C.: Brookings Institution Press.
- Modelski, G. (1965). "Indonesia and her Neighbours" dalam Buchan, A. *China and the Peace of Asia*. London: Chatto and Windus.
- Moes, M. B. "What happened in Marawi?" in Al-Jazeera News, 30 October 2017, cited from www.aljazeera.com.
- Mc Raven, W. H. (1995). *Spec Ops: Case Studies in Special Operations Warfare Theory and Practice*. New York, USA: Random House Publications.
- Neillands, R. (1998). *In the Combat Zone: Special Forces since 1945*. New York: New York University Press.
- Rothstein, H. Y. (2006). *Afghanistan and the troubled future of uncoventional warfare*. Maryland, USA: Naval Institute Press.
- Rottman, G. L. (2005). *US Army Infantryman in Vietnam 1965-1973*. London: Osprey Publishing.
- Rottman, G. L. (2006). *Viet Cong and NVA Tunnels and Fortifications of the Vietnam War*. UK: Osprey Publishing.
- Rottman, G. L. (2007). *Viet Cong Fighter*. London: Osprey Publishing.
- Rottman, G. L. (2009). *North Vietnamese Army Soldier 1958-1975*. London: Osprey Publishing.
- Rottman, G. L. (2011). *US MACV-SOG Reconnaissance Team in Vietnam*. London: Osprey Publishing.
- Rottman, G. L. (2011). *Vietnam Infantry Tactics*. London: Osprey Publishing.
- Simpson, C. M. (1983). *Inside The Green Berets: The First Thirty Years*. USA: Presidio Press
- Watson, J. (1989). *Success in World History since 1945*. UK: John Murray.
- Winnefeld, J. A. & Johnson, J. D. (1993). *Joint Air Operations: Pursuit of Unity in Command and Control, 1942-1991*. Maryland: Naval Institute Press.